

Newspaper	Berita Harian
Date	27/11/2012

## Peraturan khusus selia dagangan emas

BH - 27/11/12

**Malaysia** perlu mempunyai satu peraturan khusus untuk mengawal selia aktiviti perdagangan emas di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ia bagi mengawal kegiatan pengambilan untung secara berlebihan oleh pihak tidak bertanggungjawab membabitkan urusan niaga logam berharga itu.

"Kita memerlukan peraturan yang sewajarnya bagi perdagangan emas di negara ini. Ia penting kerana ramai orang membeli dan menjual emas dan nilainya juga meningkat," katanya pada sidang media selepas memberi ucapan di Persidangan Riba Dunia Ketiga di Seri Kembangan, semalam.

Dr Mahathir menggalakkan orang ramai membeli emas kerana ia komoditi terbaik untuk dijadikan simpanan kerana ni-



**Dr Mahathir berbual dengan perwakilan** selepas majlis perasmian Persidangan Riba Dunia Ketiga, semalam. [FOTO CHE RANI CHE DIN/BH]

lainya yang sentiasa meningkat berbanding mata wang yang terdedah kepada penyusutan nilai.

Beliau juga menggalakkan penggunaan emas dalam perda-

gangan antarabangsa kerana nilainya yang sentiasa meningkat.

Katanya, bagaimanapun penggunaan emas dalam perdagangan antarabangsa hanya bo-

leh dilaksanakan jika terdapat rakan negara dagangan yang turut berminat menggunakan komoditi berharga itu.

Mengulas mengenai tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) menyerbu serta membekukan aset pelaburan Geneva Malaysia Sdn Bhd baru-baru ini, Mahathir berkata siasatan perlu dijalankan dengan teliti terlebih dulu terhadap urusan niaga syarikat berkenaan.

### Siasatan perlu dijalankan

Beliau berkata, ini kerana tindakan membekukan keseluruhan transaksi syarikat itu menjejaskan pelanggan syarikat berkenaan kerana mereka tidak boleh mengeluarkan wang atau menggunakan emas yang mereka beli.

"Seharusnya, siasatan perlu dijalankan bagi mengenal pasti kesalahan yang sebenarnya dilakukan syarikat itu. Dengan membekukan keseluruhan transaksi menyebabkan wang orang ramai terperangkap," katanya.

Geneva antara empat syarikat yang diserbu pihak berkuasa selepas disyaki menjalankan skim pelaburan haram menggunakan emas.

Sementara itu, Persidangan Riba Dunia Ketiga itu dianjurkan Thinkers Trends Resources dengan kerjasama Institut Kewangan dan Perbankan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta Pusat al-Ghazzali untuk Sains Islam dan Pembangunan Manusia (Australia).

Ia diadakan bagi membincangkan isu riba secara menyeluruh dan kaitannya terhadap kemajlesetan ekonomi global yang panjang, inflasi dan juga pergolakan sosial yang dihadapi dunia ketika ini.

Lebih 3,000 cendekiawan, komuniti perniagaan, penggubal dasar, orang awam dan pelajar dari seluruh dunia menghadiri persidangan dua hari yang bertemakan "Pelbagai Bentuk Krisis Tentang Riba: Daya Tahan, Tindak Balas dan Pembaharuan" itu.